

Teks Ucapan
Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad
Pemangku Pengarah Muzium
Jabatan Muzium-Muzium

Semasa

Aktiviti mengelupis anjuran Jabatan Muzium-Muzium dengan kerjasama Persatuan Warisan Kedayan
Jerudong sempena program gerai hujung minggu 'Pasar Kitani'

Tarikh : 15 November 2020 bersa,aam 29 Rabiulawal 1442

Tempat : Galeri Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah

Bismillahirrahmannirrahim

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YangMulia Puan Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu majlis.

Yang Mulia Awang Misleee bin Haji Abdul Karim, Pegawai Daerah Brunei Muara

Yang Mulia Awang Abdul Hamid bin Abas, Pengerusi Persatuan Warisan Jerudong

Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Ahli-ahli persatuan Warisan, para hadirin dan para media yang dihormati sekalian kerana berkesudian hadir meluangkan masa dan memeriahkan lagi acara aktiviti mengelupis anjuran Jabatan Muzium-Muzium dengan kerjasama Persatuan Warisan Kedayan Jerudong sempenaprogram gerai hujung minggu kitani pada pagi ini.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Aktiviti mengelupis biasanya dilaksanakan setahun sekali dalam majlis makan tahun bagi masyarakat puak kedayan yang telah dipraktikkan secara turun-temurun dari generasi ke generasi yang masih dipertahankan sehingga kini melalui peninggalan warisan orang tua-tua dahulu.

Aktiviti mengelupis melibatkan tenaga kerja yang ramai yang disebut bergotong-royong. Aktiviti ini bukan hanya mengenalkan teknik atau kaedah tatacara membungkus atau menjalin kelupis menggunakan daun nyirik, beras pulut didadiah dengan air santan yang telah dimasukkan ke dalam kawah besar atau perimpan, yang terakhir proses mengukus menggunakan daram diatas tambak kayu ataupun disebut tungku. Kaedah tradisional ini sudah tentunya dilihatkan meletihkan namun perkara ini perlu diperlihatkan dan diajar kepada generasi muda belia bahawa hasilnya pasti memancarkan kepuasan pembuatnya apabila dimakan. Namun nilai budaya yang jelas diungkapkan atau diterapkan dalam aktiviti ini sebenarnya adalah kesepaduan, kesabaran dan ketitihan dalam melaksanakan pekerjaan tersebut agar lebih sempurna dari segi hasil dan kualitasnya. Ini secara tidak langsung membantu generasi muda memahami warisan budaya ini melalui kaedah pendekatan secara edukatif dan inspiratif yang lebih mudah difahami, diikuti dan diketahui secara umumnya.

Pada hadirin yang dihormati sekalian,

Secara one nation approach, sebenarnya aktiviti ini juga turut memperlihatkan kesepaduan nilai harmoni masyarakat puak kedayan dengan bangsa lain dalam mengeratkan hubungan silaturrahim persaudaraan bak kata pepatah yang jauh didekatkan dan yang dekat didekatkan lagi. Begitu juga, aktiviti lain turut ditonjolkan lagi dengan kesepaduan hasil kraftangan dan jualan makanan tradisi lainnya dari puak kedayan ini.

Dengan adanya aktiviti serupa ini dapat membantu generasi belia memahami kesusahan dan kepayahan hidup orang tua-tua pada zaman dahulu yang sanggup bekerja bejariah, bekariah dan akhirnya belurih bagi menambah hasil sara hidup. Dengan adanya aktiviti ini juga dapat membantu generasi muda belia maju kedepan bagi yang tidak bekerja atau menjadikan aktiviti serupa ini sebagai hobi sampingan dalam mengorak langkah membuka minda bagi berniaga kecil-kecilan, justeru itu, diharapkan semua pihak yang hadir pada pagi ini akan dapat mengikuti apa jua aktiviti yang diadakan hari ini.

Sehubungan itu, aktiviti ini merupakan salah satu program membuka ruang latihan meningkatkan perkembangan kapasiti sumber tenaga manusia dengan tujuan melatih dan mendidik serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran generasi muda belia dalam mempelajari sesuatu yang baharu. Aktiviti seperti ini bagus diteruskan dan diusahakan berterusan dipergiatkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa diseluruh negara dalam pelbagai bentuk program.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada Persatuan Warisan Kedayan Jerudong yang telibat menjayakan aktiviti ini secara penuh komited. Ribuan terima kasih diatas kehadiran yang mulia tetamu kehormat yang akan seterusnya merasmikan aktiviti ini sebentar lagi. Terima kasih juga kepada biskita hadirin semuanya kerana meramaikan dan memeriahkan lagi aktiviti ini. Semoga kita semua mendapat manfaat daripadanya jua.

Sekian.

Wabillahit taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh